

ABSTRAK

Fenomena migrasi di kalangan pekerja asing yang melanda dunia pada masa kini turut melibatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi destinasi tumpuan kebanyakan pekerja asing daripada negara serantau termasuk Indonesia, Nepal, Bangladesh, Vietnam dan Filipina. Migrasi yang berlaku secara global ini dilihat menimbulkan impak yang cukup besar kepada sesebuah negara dengan pelbagai masalah yang timbul di mana masalah seperti isu lambakan pekerja asing, peningkatan kadar jenayah yang dikaitkan dengan kehadiran pekerja asing ini dan tidak kutang pula yang mengaitkan pekerja asing ini dengan pengurangan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan selain daripada masalah sosial lain yang ditimbulkan oleh mereka. Begitu juga dengan masalah gangguan dan isu ancaman keselamatan terhadap penduduk tempatan. Namun begitu, migrasi ini juga mencetuskan satu lagi senario baru di mana pekerja asing yang terlibat dengan migrasi ini dikatakan terdedah dengan pelbagai bentuk ancaman iaitu melibatkan isu eksploitasi yang dilakukan oleh mereka yang sentiasa mencari peluang untuk mengaut keuntungan. Ini secara tidak langsung menimbulkan satu bentuk ancaman baru iaitu ancaman keselamatan insan ke terhadap pekerja asing yang terbabit. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana migrasi pekerja asing Bangladesh ke Malaysia mendedahkan dan mengancam keselamatan insan mereka. Tiga objektif utama kajian adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi migrasi yang berlaku di kalangan pekerja asing ke Malaysia. Keduanya, untuk mengenalpasti mekanisme dan pengurusan migrasi yang berlaku di kalangan pekerja asing Bangladesh ini yang melibatkan pengurusan dan mekanisme di negara sumber dan juga di Malaysia. Ketiga, menganalisa keselamatan insan pekerja asing Bangladesh yang bermigrasi ke Malaysia dengan fokus utama terhadap komponen keselamatan peribadi, ekonomi dan kesihatan. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data primer dan sekunder dengan melakukan temubual dengan pegawai di Kementerian dan Jabatan yang berkaitan di samping pengumpulan melalui bahan bercetak seperti jurnal dan artikel. Dapatan kajian mendapati wujudnya ancaman keselamatan insan terhadap pekerja asing Bangladesh yang bermigrasi ke Malaysia sejak bermulanya perjalanan sehingga ke akhirnya di mana peranan ejen dan sindiket merupakan satu bencana yang mesti dihapuskan sama sekali.